



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP berjudul 'Gadai Nyawa Lintas Jalan' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 5 Okt 2010.

Sukacita dimaklumkan bahawa PPj sememangnya sudah membuat perancangan untuk membina lintasan pejalan kaki di semua sekolah di dalam kawasan Putrajaya. Ia bertujuan untuk meningkatkan aspek keselamatan terutamanya bagi pelajar sekolah yang melintas jalan di sekitar kawasan sekolah. Walau bagaimanapun, pembinaan kesemua lintasan ini akan dibuat secara berperingkat dari semasa ke semasa. Kerja-kerja pembinaan lintasan di sekolah ini dijangka akan bermula pada pertengahan Oktober dan siap pada pertengahan November.

PPj juga ingin memohon kerjasama dari pihak sekolah supaya menyediakan warden trafik bagi memastikan lintasan pejalan kaki yang akan dibina ini nanti benar-benar selamat untuk digunakan oleh pelajar.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.


(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 08 Okt 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 1
Tarikh : 5 Oktober 2010



DUA murid di Presint 18 melintas jalan sibuk tanpa bantuan warden trafik sekolah.

Oleh Samadi Ahmad
mnews@beritanews.com.my

PUTRAJAYA: Setiap hari sesi persekolahan yang dilalui pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) dan Menengah Kebangsaan (SMK) Presint 18 dekat sini ibarat mimpi negeri apabila mereka terpaksa bertarung nyawa melintas jalan ketika pergi dan pulang dari sekolah.

Ia kerana tiada lampu isyarat pejalan kaki atau kehadiran warden trafik sekolah bagi memastikan pelajar terbabit, terutama yang masih pada Tahun Satu dapat melintas jalan di depan sekolah itu dengan selamat.

Ibu bapa pelajar khususnya yang tinggal di kawasan

berdekatan mendakwa walaupun belum pernah berlaku kemalangan atau kecederaan, langkah awal perlu dimiliki segera bagi mengelakkan sebarang kejadian buruk kepada kanak-kanak terbitar.

Tinjauan *Sentral* mendapati jalan terbabit sangat sibuk terutama pada waktu pagi, selain ada pemandu yang memandu lalu dan secara tergesa-gesa mengejar waktunya untuk ke pejabat.

Seorang ibu, Masitah Mohd Yusof, 41, berkata setiap hari dia menemani anaknya melintas jalan kerana bimbang dengan kesibukan lalu

lintas di situ terutama pada waktu pagi.

"Saya perlu memastikan keselamatan anak saya sebab itu saya temani mereka sehingga ke kawasan sekolah," katanya.

Masitah berkata, beliau bimbang kerana banyak kenderaan di kawasan berkenaan dipandu laju sedahlah tidak mempedulikan keselamatan pelajar yang keluar dan masuk sekolah.

Beliau turut mencadangkan pihak sekolah, khususnya Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mewujudkan warden trafik sekolah bagi membantu pelajar melintas

jalan di situ.

Seorang bapa, Shafie Baharum, 56, mendakwa masalah itu sudah dikemukakan kepada pihak PIBG tetapi tidak sebarang tindakan dilakukan.

"Kita harap jangan sampai ada tragedi baru mahu bertindak kerana pada masa itu sudah terlambat," katanya.

Katanya, walaupun kadangkala ada pengawal keselamatan yang bertugas membantu mengawal lalu lintas di situ, ia hanya langkah jangka pendek kerana ibu bapa mahukan jaminan keselamatan lebih baik supaya mereka tidak bimbang.

"Kami berharap pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera termasuk datang melihat sendiri suasana di kawasan ini supaya mereka faham kebimbangan yang dialami ini," katanya.

Beliau mencadangkan pihak berkumas membina bonggol jalan di kedua-dua arah jalan berkenaan termasuk mempercepatkan pembinaan lampu isyarat dan jalur kuning di depan sekolah itu.

"Pembinaan lampu isyarat dan jalur kuning di jalan hadapan sekolah itu mampu memberi amaran kepada pemandu supaya memperlamban kenderaan," katanya.